

# JANGAN JADI MACAM RED INDIAN —TAMRIN

KELUANG, Jumaat.—Orang-orang Melayu seharusnya meneguhkan kesatu-paduan mereka dan jangan bercaharaan hingga memutuskan perpecahan sesama sendiri.

Mereka juga harus ingat perpecahan boleh mengakibatkan mereka menjadi "bahan pameran" seperti orang-orang "Red Indian" di Amerika Syarikat.

"Dari pengalaman sejarah, terutamanya sejarah Negeri Melaka, kita tentu sekali tidak mahu piang berbuah dua kali," kata Exco Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, Enoch Tamrin Ghafar di sini, hari ini.

Beliau menyatakan demikian ketika merasmikan persidangan perwakilan Pemuda UMNO Bahagian Keluang di Dewan Rumah UMNO di Jalan Dato Kapten Ahmad di sini, pagi tadi.

Menurut beliau, Negeri Melaka dapat dijajah oleh kerajaan asing termasuk Portugis selama 450 tahun, kerana penjajah dapat meresapi orang-orang Melayu dan memecah-belahkan mereka dengan berbagai dakyah.

"Tetapi, oleh kerana tohmah-tohmah dan dakyah-dakyah kotor penjajah itu, orang-orang Melayu dapat dipecah-belahkan hingga Sultan Melaka sendiri terpaksa melarikan diri dan hingga sekarang Melaka tidak pun beraja," tambah beliau.

Katanya, Pergerakan Pemuda UMNO juga khawtir jika orang-orang Melayu sendiri tidak bersatu menghadapi segala cabaran yang nyata atau realistik, dan berpecah-belah nescaya kelak mereka akan di *jadikan bahan pameran* oleh pihak-pihak yang berkuasa.

Mengenai politik, beliau lalu menyarankan bahawa di dalam politik tidak ada sistem "tekan butang" (press button) bagi ahli-ahli atau pemimpin-pemimpin UMNO sendiri.